

Khairy kata Najib lebih terbuka, tidak 'feudal' seperti Dr Mahathir
Free Malaysia Today
Dec 2, 2016
Nawar Firdaws

Ketua Pemuda Umno berkata kesetiaan yang dituntut daripada ahli parti di bawah pimpinan Najib berbeza dengan zaman Dr Mahathir.

KUALA LUMPUR: Khairy Jamaluddin hari ini membidas Tun Dr Mahathir Mohamad, selepas bekas pemimpin itu menuduh Presiden Umno Datuk Seri Najib Razak menuntut kesetiaan mutlak daripada ahli parti.

“Anda mendapat seorang pemimpin feudal yang terlupa apa yang dilakukan sebelum ini dan anda mendapat seseorang yang sangat mencerminkan semangat masa kami,” kata ketua Pemuda Umno itu kepada pemberita hari ini.

Beliau berkata, tidak seperti Dr Mahathir, Najib lebih mudah menerima rungutan ahli.

“Kesetiaan mutlak adalah apa yang beliau (Dr Mahathir) tuntutan ketika menjadi presiden dan semua orang dalam Umno boleh membuktikannya.”

Perhimpunan Agung Umno kali ini mendengar ucapan daripada ketiga-tiga pemimpin Pemuda, Wanita dan Puteri yang menggesa semua ahli menunjukkan kesetiaan kepada Najib berikutan perpecahan dengan beberapa veteran parti termasuk Dr Mahathir.

Khairy berkata, tidak seperti semasa kepimpinan Dr Mahathir, kesetiaan yang dituntut daripada ahli Umno adalah untuk institusi, bukan individu tertentu.

“Najib tidak pernah menjadi jenis yang menyuruh orang lain berdiam diri, beliau terbuka kepada kritikan walaupun dalam parti,” kata Khairy.

“Kami memberi sokongan dan kesetiaan kepada institusi jawatan presiden. Saya rasa itulah yang Dr Mahathir tidak faham.”

Khairy berkata beliau berada pada kedudukan yang baik untuk menilai gaya kedua-dua pemimpin kerana pernah ditugaskan menghasilkan satu pelan tindakan bagi TN50, pelan transformasi 30 tahun yang diumumkan Najib semasa ucapan belanjawan Oktober lalu.

“Anda boleh melihat perbezaan antara Najib dan Wawasan 2020 Dr Mahathir,” katanya, merujuk kepada rancangan Dr Mahathir untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju menjelang 2020.

Khairy berkata Wawasan 2020 adalah “top-down document” dan “paternalistik”.

“Tetapi dengan TN50, Najib mahu mendengar suara rakyat terlebih dahulu sebelum keluar dengan wawasan negara.”

Copyright (C) 2009-2016 MToday News Sdn. Bhd. All Rights Reserved.

Source: <http://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2016/12/02/khairy-kata-najib-lebih-terbuka-tidak-feudal-seperti-dr-mahathir/>